

Nama:

Tarikh:

BAHASA MELAYU TAHUN 5

TEMA 6: SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

UNIT 18: INOVASI BERTAMBAH MUTU

SP: 5.3.2(i) Memahami dan membina pelbagai ayat mengikut konteks. (i. Ayat seruan)

Arahan: Baca dan rujuk buku teks halaman 136. Kenal pasti ayat seruan dalam teks di bawah. Kemudian, senaraikan ayat seruan *kecuali* ayat yang berwarna biru dengan menulis semula dalam ruangan yang disediakan.

Tajuk: Katil Mesra Pengguna

klik



Seorang wartawan telah menemu bual pengimpal besi yang menghasilkan ciptaan inovasi untuk orang kurang upaya (OKU).

Wartawan: Syabas, katil mesra OKU ciptaan tuan memenangi hadiah inovasi!

Encik Amiruddin: Terima kasih. Eh, ciptaan saya biasa sahaja jika dibandingkan dengan ciptaan profesional lain!

Wartawan: Bagaimanakah tercetusnya idea membuat katil inovasi ini, tuan?

Encik Amiruddin: Oh, idea ini tercetus ketika melihat kepayahan isteri saya yang sakit selepas dibedah! Dengan ilmu kimpalan dan idea inovasi, saya mereka cipta katil mesra OKU ini.

Wartawan: Aduhai, simpati saya mendengarnya!

Encik Amiruddin: Katil ini daripada sebuah katil besi bujang. Saya menciptanya seperti katil hospital. Katil ini boleh dilaraskan tahap sandarannya mengikut kesesuaian pesakit dengan menekan butang secara automatik.

Wartawan: Wah, menarik sungguh fungsinya!

Encik Amiruddin: Ya. Katil ini juga mempunyai dwifungsi. Katil ini akan berfungsi sebagai katil bujang apabila tidak digunakan lagi. Saya memang memastikan hasil ciptaan berkualiti demi keselamatan pesakit. Nah, telitilah risalah tentang katil inovasi ciptaan saya ini!

Wartawan: Terima kasih, tuan.



1. _____
2. _____
3. _____
4. _____

Nama:

Tarikh:

Arahan: Isi tempat kosong dengan kata seru yang sesuai bagi membentuk ayat seruan yang betul.

Syabas,

Eh,

Oh,

Wah,

Nah,



_____ katil inovasi ini saya hadiahkan untuk kamu!

_____ begini rupanya katil inovasi!

_____ ciptaan saya biasa sahaja jika dibandingkan dengan ciptaan professional lain!

_____ hebatnya ciptaan katil inovasi ini!

_____ katil mesra OKU ciptaan tuan telah memenangi hadiah inovasi peringkat kebangsaan!

Arahan: Tandakan (/) bagi ayat seruan yang tepat.

A	Aduhai, Encik Ravi sedang menebas rumput di belakang rumah!
B	Eh, di dalam bekas air itu ada jentik-jentik!
C	Wahai, banyak sungguh makanan di atas meja!
D	Cis, kita mestilah mematuhi peraturan sekolah!

